

11/06/2002

Lima perkara menjadi penentu kejayaan bangsa

Badrila Jamlus

KETUA Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad menggariskan lima perkara penting dalam menguruskan perniagaan, perusahaan, pendidikan, malah kehidupan seharian.

Katanya, sifat itu ialah amanah, kecekapan, fikiran terbuka, semangat kukuh dan profesionalisme selain ditambah dengan pendidikan liberal, khususnya penguasaan bahasa Inggeris yang standardnya boleh diterima antarabangsa.

Beliau berkata, ramai orang Melayu petah bercakap tetapi tidak tahu mentadbir dan mengurus, manakala jika mereka tahu sedikit-sebanyak pun, majoritinya tidak amanah.

Selain itu katanya, orang Melayu juga terlalu bergantung kepada kerajaan dan jika ada inisiatif sendiri, jumlahnya sedikit berbanding bangsa lain yang tidak bergantung dengan kerajaan.

"Dalam kehidupan, yang mustahak bukan permulaan tetapi bagaimana kita tamat atau bak kata pepatah Inggeris, 'what is important is not the beginning, it's the end.

"Seperti orang berlumba lari 400 meter, siapa sampai dulu ke garisan penamat menang, begitu juga bola sepak, siapa yang buat lebih jaringan walaupun pada saat akhir, memenangi perlawanan," katanya dalam kertas kerja Organisasi Korporat Melayu: Antara Lambang Kewibawaan, Salah Urus Atau Tragedi Ekonomi yang dibentangkan di Seminar Ekonomi Malaysia 2002 di Bangi, semalam.

Kertas kerja beliau dibacakan Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd (BSHB), Datuk Ahmad Rejal Arbee.

Dalam kertas kerja itu, Abdullah turut menyentuh mengenai jumlah wakil majoriti rakyat iaitu bangsa Melayu dalam perniagaan berbanding bukan Bumiputera yang mencapai kejayaan membanggakan.

Tahun lalu, majalah Forbes menyenaraikan enam orang terkaya di Malaysia dengan hartanya dinilai dalam nilai dolar Amerika dan mereka semuanya bukan Melayu iaitu lima Cina dan seorang Tamil berketurunan Sri Lanka.

Beliau berkata, jumlah aset mereka lebih banyak daripada aset Petronas, Tabung Haji, Permodalan Nasional Bhd, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan badan amanah lain yang ditubuhkan kerajaan untuk orang Melayu.

Katanya, Malaysia adalah sebuah negara yang kaya, subur dan makmur serta sesiapa pun yang mengurus negara ini, ia akan maju kalau pemimpin itu cekap mentadbirnya seperti yang ditunjukkan Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Perdana Menteri Malaysia sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdullah berkata, dalam sebuah negara, keutamaan adalah kesejahteraan dan kemakmuran bagi rakyat dan untuk mencapai matlamat itu, keutamaan perlu diberi kepada pendidikan.

"Pendidikan membezakan kita dengan haiwan; pendidikan membezakan kita sesama kita; pendidikan membezakan satu bangsa dan negara.

"Manusia tanpa pendidikan menjadi beban kepada negaranya, manakala yang berpendidikan pula menjadi sumber negaranya," katanya sambil menambah pendidikan menentukan kekuatan atau kelemahan sesuatu bangsa atau negara.

Beliau berkata, bangun atau jatuh bangsa Melayu dalam bidang ekonomi akan menentukan bangun atau jatuhnya bangsa, agama dan negara.

Katanya, ekonomi dan politik tidak boleh dipisahkan kerana siapa yang menguasai ekonomi lazimnya menguasai politik, sama ada secara terang ataupun tidak langsung.

Di Malaysia, misalnya kuasa ekonomi terbahagi kepada dua puak iaitu

kuasa ekonomi asing atau kuasa ekonomi bukan Melayu khususnya Cina manakala kedua, Melayu atau Bumiputera.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diwujudkan Tun Razak melihat kelahiran golongan menengah Melayu, kelas profesional dan cendekiawan Melayu, satu sejarah dalam kisah bangsa Melayu.

Abdullah berkata, dalam masa 20 tahun, kerajaan diperaku oleh semua bangsa, orang Melayu akan diusaha dengan kerjasama orang bukan Melayu agar orang Melayu menguasai 30 peratus daripada ekonomi dan kekayaan negara.

"Malangnya, selepas 20 tahun, kita gagal mencapainya dan hanya kemuncak antara 20 hingga 21 peratus saja," katanya.

Bagaimanapun katanya, matlamat DEB diteruskan dan cuma kita lebih fleksibel berdasarkan keadaan serta pergolakan ekonomi dalam negeri dan antarabangsa.

(END)